



Tarikh Iklan Tender : 23 Februari 2026

Tarikh Tamat Sah Laku Tender: 22 September 2026

JABATAN BEKALAN AIR
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)
KENYATAAN TENDER TERBUKA PRA-KELAYAKAN
(NO. TENDER: JBA/K-T/08/2026)

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)/UPKJ dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

Pejabat Yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf / Jenis Syarikat *	Gred, Kategori & Pengkhususan/Kelas, Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub-Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Jabatan Bekalan Air, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Pra-Kelayakan Untuk PROGRAM NON-REVENUE WATER (NRW) NASIONAL PENDEKATAN 1 FASA 2 (REKA & BINA) – NEGERI SARAWAK	TERBUKA	Diwajibkan Berdaftar Dengan: 1) <u>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) – Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)</u> Gred: G7 Kategori: CE Pengkhususan: CE21 CE20 CE39 Dan; 2) <u>CIDB – Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)</u> Gred: G7 Kategori: CE Atau; 3) <u>Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak (UPKJ)</u> Kelas: A Kepala: I Sub Kepala 1 & 4C Nota: Kontraktor hendaklah mempunyai PPK dan SPKK atau UPKJ yang masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya melebihi tiga (3) bulan dari tarikh tutup Pra-Kelayakan.	Seksyen Pentadbiran dan Kewangan Jabatan Bekalan Air, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Aras 1, Blok F10, Lebuhr Perdana Timur, Presint 1, 62000 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya 25 Feb 2026 (Rabu) hingga 11 Mac 2026 (Rabu) Masa semakan Dokumen Meja Tender dan Pembelian Dokumen Pra-Kelayakan: 9.00 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 4.00 petang (Isnin hingga Khamis) 9.00 pagi – 12.00 tengah hari 3.00 petang – 4.00 petang (Jumaat)	RM50.00 (Tidak akan dikembalikan) Bayaran bagi dokumen Pra-Kelayakan hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank / kiriman wang (money order) atau wang kiriman pos berpalang (postal order) di atas nama: Ketua Pengarah Jabatan Bekalan Air, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	TEMPAT: Seksyen Pakar Jabatan Bekalan Air, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Aras 1, Blok F10, Lebuhr Perdana Timur, Presint 1, 62000 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya TARIKH: 26 Mac 2026 (Khamis) MASA: Sebelum 12.00 tengah hari



Pendaftaran Kontraktor

- i. Kontraktor hendaklah mempunyai Sijil SCORE CIDB yang masih sah dengan penarafan minimum tiga (3) bintang;
- ii. Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh CIDB / UPKJ dari menyertai tender, **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Pra-Kelayakan ini;
- iii. Kebenaran khas daripada CIDB / UPKJ untuk kategori/pengkhususan bidang kerja yang ditetapkan adalah **TIDAK DITERIMA**;
- iv. Petender usahasama hendaklah mempunyai kod bidang dan pengkhususan seperti di atas. Petender usahasama juga hendaklah mengemukakan Perjanjian usahasama yang mengandungi pegangan ekuiti setiap rakan usahasama dan bertanggungjawab secara '*jointly and severally*' dan ditandatangani oleh kesemua rakan usahasama dan disetemkan.


Keupayaan Kontraktor

- i. Mempunyai *Nett Worth* melebihi **20% x Nilai Tahunan Bebanan Kerja (NTBK) ATAU** Modal Pusingan melebihi **10% dari NTBK ATAU** Modal Mudah Cair melebihi **RM7,305,000.00**;
- ii. Kontraktor mempunyai pengalaman yang mencukupi iaitu **Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja (NTBK)** tertinggi bagi projek-projek pembinaan serupa atau sebanding yang telah dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh lima (5) tahun lepas **melebihi 30%** daripada NTBK serta berpengalaman sebagai Kontraktor Utama dan melaksanakan dan menyiapkan projek Kerajaan / Swasta;
- iii. Tidak mempunyai kerja semasa yang 'sakit' dan tidak mempunyai rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyediaan dan kualiti kerja; dan
- iv. Kontraktor dikehendaki melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (*independent and not inhouse consultant*) iaitu berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan; berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia **DAN** hanya satu (1) perunding dibenarkan mewakili satu (1) petender.

Pelawaan Pra-Kelayakan

1. Kaunter pembelian dokumen Pra-Kelayakan adalah berdasarkan ketetapan tarikh dan masa di atas.
2. Dokumen Pra-Kelayakan akan dikeluarkan kepada wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil Kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** dan **SALINAN** (tidak akan dikembalikan lagi) bagi **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** atau **Sijil Pendaftaran UPKJ**.
3. Pengarah syarikat yang sah, penama di dalam sijil dan wakil sah Kontraktor dengan menunjukkan dan mengemukakan **Surat Perwakilan Kuasa sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen Pra-Kelayakan. Setiap syarikat Kontraktor hanya dibenarkan untuk membeli SATU (1) dokumen Pra-Kelayakan sahaja.**
4. Dokumen Pra-Kelayakan hanya akan diedar secara softcopy ke e-mel rasmi syarikat yang aktif sahaja (e-mel persendirian tidak dibenarkan) yang telah didaftarkan semasa pembelian dokumen.
5. Dokumen Pra-Kelayakan yang lengkap diisi dalam bentuk salinan cetak hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditandakan "Dokumen Pra-Kelayakan", di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada **Ketua Pengarah, Jabatan Bekalan Air, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air**. Sila tuliskan nama projek pada setiap sampul surat berkenaan.
6. Dokumen Pra-Kelayakan tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender **tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada 26 Mac 2026 (Khamis)**. Dokumen Pra-Kelayakan yang lewat diterima **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
7. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Siti Faezah Binti Mohd Aliman di talian 03-80925061 dan e-mel faezah.aliman@jba.gov.my atau Joyce Anak Rabing di talian 03-80925073 dan alamat e-mel joyce.r@jba.gov.my




Ketua Pengarah
Jabatan Bekalan Air
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air